

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PELAKSANAAN PENGATURAN KERJA FLEKSIBEL) 2021 SOALAN LAZIM

Bahagian 1: Kelayakan

1. Syarikat manakah yang layak mendapat Potongan Cukai Bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel?

Syarikat yang layak adalah berdasarkan kriteria berikut:

- i. Sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]
- ii. Perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743]
- iii. Perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135]

2. Syarikat saya menerima geran daripada kerajaan, bolehkah kita memohon Potongan Cukai Pendapatan?

Dalam kes jika syarikat telah menerima apa-apa geran / pinjaman / bantuan daripada kerajaan persekutuan dan negeri, ia tidak dibenarkan untuk menuntut Potongan Cukai Pendapatan ini.

3. Adakah syarikat induk dan anak-anak syarikat mereka dibenarkan membuat tuntutan potongan cukai pendapatan?

Ya, syarikat Induk dan anak-anak syarikatnya dibenarkan membuat tuntutan potongan cukai pendapatan. Dengan syarat bahawa setiap syarikat dikenakan caj ke atas Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel tertakluk kepada potongan yang dibenarkan.

Bahagian 2: Potongan Cukai Bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel

4. Apakah Potongan Cukai Pendapatan yang diberikan kepada syarikat yang melaksanakan Pengaturan Kerja Fleksibel?

Bagi pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel, syarikat boleh menuntut potongan cukai sebanyak dua kali sehingga jumlah maksimum RM500,000 bagi setiap tahun, sehingga tiga (3) tahun berturut-turut taksiran bermula dari tarikh kelulusan pelaksanaan diperolehi daripada TalentCorp Terdapat empat (4) bidang yang berkaitan dengan Potongan Cukai Pendapatan:

- i. Fi perundingan
- ii. Kos pembangunan keupayaan
- iii. Kos perisian
- iv. Langganan perisian

5. Adakah jumlah potongan cukai pendapatan dihadkan pada RM1.0 juta setahun bagi setiap syarikat?

Ya, Potongan Cukai Pendapatan adalah sehingga jumlah maksimum RM500,000 bersamaan dengan dua kali ganda jumlah perbelanjaan yang dibenarkan di bawah Potongan Cukai Pendapatan ini bagi setiap tahun.

6. Apakah jenis pengaturan kerja yang dianggap sebagai Pengaturan Kerja Fleksibel (FWA)?

Pengaturan Kerja Fleksibel merujuk kepada:

- i. tempat bekerja
- ii. penjadualan waktu kerja; atau
- iii. bilangan jam bekerja;

Secara umum, jenis-jenis Pengaturan Kerja Fleksibel terdiri daripada:

- a) Minggu bekerja yang dipendekkan
- b) Pilihan Hari Bercuti Kakitangan
- c) Waktu kerja fleksi atau anjal
- d) Perkongsian tugas
- e) Pulang Awal Dari Tempat Kerja
- f) Peranan yang diubah suai
- g) Persaraan Berfasa
- h) Kerja dikurangkan/Kerja Separuh Masa
- i) Kerja bermusim
- j) Pertukaran Syif
- k) Waktu bekerja berperingkat
- l) Bekerja dari rumah

Sila rujuk kepada Garis Panduan Permohonan Potongan Bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel atau melawat *flexworklife.my* untuk maklumat lanjut mengenai Pengaturan Kerja Fleksibel

7. Adakah Potongan Cukai Pendapatan ini mengambil kira Yuran Jurulatih Dalam, contohnya: HR trainers or Train The Trainers (TTT)? Jika ya, apakah kos yang dilindungi di bawah Kos Pembangunan Kapasiti?

Ya, elaun *HR trainers or Train The Trainers (TTT)* boleh dituntut. Walau bagaimanapun, hanya elaun sahaja akan diambil kira di bawah No.4 Perkara (ii) di bawah Soalan Lazim ini.

8. Bolehkah syarikat menuntut pengubahsuaian ruang pejabat untuk menyokong pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel, contohnya pengubahsuaian ruang pejabat sedia ada atau baru untuk membolehkan hot desking untuk pekerja yang berselang-seli antara pengaturan kerja dari rumah (BDR) dan kerja dari pejabat (BDP)?

Tidak, perbelanjaan ini dianggap sebagai perbelanjaan perniagaan di bawah elaun modal (cukai pendapat syarikat).

Bahagian 3- Proses Permohonan

9. Berapa lamakah tempoh permohonan potongan cukai pendapatan?

Permohonan adalah untuk perbelanjaan Pengaturan Kerja Fleksibel dari tempoh **1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2022**

10. Berapa banyak borang permohonan yang perlu dikemukakan oleh syarikat jika terdapat lebih dari satu perbelanjaan?

Semua perbelanjaan boleh dikemukakan dalam satu (1) borang sahaja.

11. Adakah syarikat perlu mempunyai polisi Pengaturan Kerja Fleksibel?

Ya, polisi Pengaturan Kerja Fleksibel adalah salah satu dokumen sokongan untuk permohonan Bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel. Polisi Pengaturan Kerja Fleksibel ini hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- i. Objektif pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel
- ii. Kelayakan pekerja untuk Pengaturan Kerja Fleksibel
- iii. Skop Pengaturan Kerja Fleksibel dilaksanakan
- iv. Penjelasan Pengurusan Prestasi semasa di Pengaturan Kerja Fleksibel
- v. Pampasan dan Faedah penjelasan semasa Pengaturan Kerja Fleksibel

12. Bila saya akan menerima Surat Pengesahan Pengaturan Kerja Fleksibel?

Syarikat akan menerima Surat Pengesahan Pengaturan Kerja Fleksibel setelah selesai semakan dan pengesahan borang permohonan oleh TalentCorp mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

13. Mengapa saya memerlukan Surat Pengesahan Pengaturan Kerja Fleksibel?

Surat Pengesahan Pengaturan Kerja Fleksibel digunakan untuk menyokong penyerahan tuntutan potongan cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) melalui penilaian sendiri dalam sistem e-filing.

Tarikh dikemaskini: 18 Februari 2022